

Penyelidikan bantu masalah masyarakat

ATAS kesedaran pentingnya budaya penyelidikan dalam kalangan warga pendidik, satu Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional 2013 (CiE-TVET 2013), diadakan baru-baru ini.

Ia membabitkan beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM, Pusat Pendidikan Teknik dan Vokasional Termaju (ACTIVE) UTHM, Politeknik Kuala Terengganu dan Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

Ini merupakan program ketiga diadakan selepas di Nilai (2012)



Tetamu kenamaan bergambar bersama delegasi RCP dan FPTV UTHM.

dan Pulau Pinang (2011) selepas mendapat sambutan baik.

'Pemerkasaan Penyelidikan & Inovasi Ke Arah Transformasi TVET' dipilih sebagai tema CiE-TVET 2013 yang seiring dengan transformasi Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) di Malaysia.

Seramai 183 pendidik terdiri daripada 128 pembentang kertas kerja dan 55 peserta, terlibat dalam program dua hari ini, di mana peserta didedahkan dengan penyelidikan dan kertas kerja yang berimpak tinggi, antaranya kecemerlangan instruksional,

pengurusan, pembangunan kurikulum, pembangunan & latihan staf, inovasi & teknologi dalam P&P, jaminan kualiti, kebolehpasaran, keusahawanan, kolaborasi industri, keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat, kajian tindakan, tanggungjawab sosial (CSR), penghasilan produk dan pendidikan teknik & vokasional.

Buat julung kalinya juga, persidangan ini menerima lapan penyertaan antarabangsa.

CiE-TVET dirasmikan Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Menurut Dr Mohd Noh, penyelidik perlu memberikan ruang penyelidikan yang bersifat asas dan boleh dikomersialkan bagi menyelesaikan masalah dihadapi masyarakat.